

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 MARCH 2017

DAP dakwa berjaya tundukkan Dr Mahathir

BH- 19/3/2017

Georgetown: Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mengakui pakatan pembangkang berjaya menumbangkan salah satu daripada 4M yang akan mengancam kemenangan gabungan itu pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Katanya, M itu adalah Tun Dr Mahathir Mohamad, selain bekas Perdana Menteri itu, kini muncul sebagai Pengerusi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang menjadi sekutu pakatan pembangkang.

“Dulu, kami (pakatan pembangkang) ada 4M yang menyukarkan kemenangan pada PRU, iaitu Mahathir, money (duit), machinery (jentera) dan media, tetapi kini hanya tinggal 3M.

“Sekarang kami sudah boleh menang kerana tiada lagi M (Mahathir) yang sulitkan kemenangan kami.

“Dulu kami memang susah nak menang kerana M ini, tetapi kini tidak lagi,” katanya ketika merasmi-

kan Pelancaran Jentera PRU-14 DAP Pulau Pinang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang; Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifudin Nasution dan Pengerusi DAP negeri, Chow Kon Yeow.

Terdahulu, majlis dihadiri kira-kira 700 ahli itu turut menyambut Ulang Tahun Ke-51 penubuhan DAP tanpa kehadiran kepimpinan tertinggi PPBM dan Parti Amanah Negara.

Melarikan diri ditanya RUU

Sementara itu, Kit Siang ketika ditemui bertindak ‘melarikan diri’ ketika ditanya mengenai pendirian DAP terhadap pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (RUU 355).

Kit Siang bertindak sedemikian

apabila ditanya mengenai video ceramah Ahli Parlimen Seremban daripada DAP, Anthony Loke Siew Fook, yang didakwa menyokong pindaan RUU 355, sehingga menjadi tular di media sosial, baru-baru ini.

Beliau sebaliknya mempersoal pendirian UMNO yang mahu membawa usul pindaan RUU 355 di Dewan Rakyat, yang dikatakan tidak selari dengan keputusan beberapa parti komponen Barisan Nasional (BN).

“Adakah ini pendirian UMNO atau BN? Adakah 13 parti komponen BN bersetuju dan ada konsensus mengenai pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menegaskan kerajaan bertanggungjawab kemukakan RUU 355?” katanya.

“Adakah elemen konsensus dalam parti komponen BN juga sudah tukar kepada persetujuan terhadap apa sahaja yang dihasratkan UMNO



Dulu, pakatan pembangkang ada 4M yang menyukarkan kemenangan pada PRU, iaitu Mahathir, money (duit), machinery (jentera) dan media, tetapi kini hanya tinggal 3M”

Lim Guan Eng,
Setiausaha
Agung DAP

untuk menjadi keputusan BN?” katanya.

Sementara itu di **Kluang**, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersedia meluluskan permohonan penganjuran majlis perdebatan antara Dr Mahathir dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang dirancang minggu depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, pihaknya sudah menerima permohonan daripada pihak penganjur untuk mendapatkan permit penganjuran.

“Sudah dibuat (permohonan) dan kami akan benarkan. Malah, saya juga menyokong,” katanya kepada pemberita pada perasmian Majlis Sambutan Hari Penjara ke-227 dan Hari Antidadah Kebangsaan 2017 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Penjara Simpan Renggam di sini, semalam.